BAHAGIAN A:	PENDAPATAN PERNIAGAAN

Perniagaan
Keuntungan yang diperolehi daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion dikenakan cukai.
Perolehan dan keuntungan termasuk terimaan kasar daripada penjualan barang-barang dan terimaan dari pemberian perkhidmatan seperti doktor atau peguam.

Perkongsian Lain
Pembahagian keuntungan / kerugian yang diperolehi daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion dikenakan cukai.

Perniagaan / Perkongsian Bertaraf Perintis
Taraf perintis adalah insentif percukaian yang terkandung dalam seksyen 5 hingga seksyen 25 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP 1986). Ianya memberi pengecualian cukai untuk keseluruhan atau sebahagian pendapatan perniagaan yang berupa aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan berhubung dengan pertanian.

Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan
Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [P.U. (A) 51/2006] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2011 [P.U. (A) 166/2011] berkaitan.

A1 – A12

Kod Perniagaan


Dapatkan kod perniagaan dari Lampiran G Buku Panduan Borang P.

Pendapatan / Kerugian boleh dibahagikan

Pendapatan perniagaan atau kerugian perniagaan yang boleh dibahagikan kepada ahli kongsi.

Sekiranya rugi, cara mengisi ruang ini adalah seperti contoh di bawah.

Contoh :



Manfaat Ahli Kongsi
Amaun manfaat untuk ahli kongsi yang menikmati faedah/manfaat berkenaan seperti manfaat kenderaan, gaji, perjalanan dan lain-lain.

Kenaan Imbangan
Kenaan imbangan akan dikenakan dalam keadaan di mana nilai pelupusan melebihi perbelanjaan baki tetapi terhad kepada jumlah elaun sebenar yang telah diberi.
(Kenaan imbangan = Nilai pelupusan - Perbelanjaan baki)

	Elaun Imbangan Diberi sekiranya baki perbelanjaan melebihi nilai pelupusan, iaitu sebanyak amaun yang berlebihan tersebut. (Elaun imbangan = Perbelanjaan baki - Nilai pelupusan) **Elaun Modal** Sebagai ganti kepada tuntutan susut nilai aset. Kadar elaun bergantung kepada jenis aset.
	Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak Rujuk kepada perkara 2, 3 dan 6 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2002 [P.U. (A) 57] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2006 [P.U. (A) 275] untuk menentukan kelayakan. Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada satu perniagaan / perkongsian, sila senaraikan mengikut format seperti Perniagaan 1 / Perkongsian 1 bagi setiap perniagaan / perkongsian dan kemukakan lampiran bersama Borang P.